# ARTS SCENE GETTING HOTTER!

## FESTIVAL TARI MALAYSIA 2003
**(16 -20 DEC 2003)**

Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor dengan kelolaan pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor telah mengundang Sri Warisan untuk turut serta dalam Festival tari gilang gemilang ini. Memandangkan ini adalah Festival Tari Malysia, maka pihak penganjur telah mengundang Sri Warisan untuk membuat persembahan 'showcase' istimewa buat semua peserta Festival dan para penonton khasnya di Malaysia. Ini merupakan satu pengiktirafan bagi Sri Warisan untuk turut serta memeriahkan lagi Festival Tari Malaysia 2003 ini. Sri Warisan membuat persembahan di hari pembukaan Festival di Stadium tertutup Johor Bharu, di pusat membeli belah IOI Kota Tinggi dan Pontian. Para pengunjung disana cukup 'sporting' dan berpuas hati dengan persembahan Sri Warisan. Buat pertama kalinya Sri Warisan ke Festival dengan jumlah delegasi yang teramai iaitu seramai 21 orang dari Unit Artis Budaya yang lama & baru untuk, tujuannya memberi peluang pada adik-adik yang baru kita merasakan apa itu festival diluar Negara.


Delegasi dari Sri Warisan berfoto di Pembukaan Festival di Indoor Stadium


Persembahan Sri Warisan di IOI Mall, Kota Tinggi Johor


Persembahan di Pembukaan Festival di Indoor Stadium Johor Bharu


Ucapan tahniah dari Yg mulia Ampuan Permaisuri Johor kepada Puan Som Said

## PROJECT 2004

**INTERNATIONAL FOLKLORE FESTIVAL IN AGRIGENTO, SICILY ITALY**
*(1—10 FEBRUARY 2004)*

**MARI BERZAPIN @ National Youth Park**
*(9 APRIL 2004)*

**TUNAS WARISAN KURSUS KESENIAN REMAJA & MELENTUR BULOH @ Young Musician Society**
*(17 & 18 APRIL 2004)*

**GENTARASA 2004**
**Commissioned work by MESRA to Mdm Som Said and Mr Nadiputra @ Kallang Theatre**
*(5 JUNE 2004)*
**3.00pm—8.00pm**

**KOREA FESTIVAL**
*(JUNE 2004)*

**LESTARI SENI TUNAS WARISAN**
**'EMERGING ARTISTE'**
**@ Art Centre Parliament House**
*(AUGUST 2004)*

**LAGU & IRAMA (CHILDREN & YOUTH)**
**@ Victoria Theatre**
**Music Director: Mr Zubir Abdullah**
*(8 AUGUST 2004)*

## UNIT ARTISTE BUDAYA' & STUDENTS CREATIVITY COLUMN

SEKAPUR SIREH SEULAS PINANG
*(Sudirman Bin Mohamed)*
*"Presented in Singapore Traditional Folk Fiesta 2003"*

Sekapur sireh seulas pinang, Mari tanam di belukar sana,
Dari seberang seri mendatang,
Membawa semangat berbekalkan budaya

Sireh melintang dalam tepak, Sireh terpendam dalam peti,
Kasih segantang sayang secupak, Tanda sambutan seikhlas hati

Membelah pinang melipat sireh, Sehelai sireh jadi santapan, Sehalus budaya mengunyah sireh, Semoga tradisi mekar sepanjang zaman

Berat benar si pohon nyirih, Nyirih melentur dahan selasih,
Ibarat sesegar daun sireh, Sireh rampai pengikat kasih

Serumpun sireh melingkar segar, Harum mewangi tidak terperi,
Sireh rampai tersusun indah, kasih bersemi di lubuk hati

Sireh junjung megah bertakhta, Mengikut rentak canang dan gong,
Pembuka majlis tanda muhibbah, Sireh junjung meriah sekampung